

## Perspektif Hikmah Pendidikan Atas Talian Ketika Wabak Covid-19 (The Wisdom Perspective of Online Learning During the Covid-19 Outbreak)

Ribhan Binti Ibrahim  
Politeknik Port Dickson  
ustazahribhan@gmail.com

Asmah Binti Mohd Subari @ Sarman  
Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah  
asma.alia74@gmail.com

### Abstrak

Bermula Mac 2020, Malaysia melaksanakan tindakan Perintah Kawalan Pergerakan sebagai langkah mengekang penularan wabak Covid-19. Sehingga kini sektor pendidikan masih tetap diteruskan menerusi alternatif pendidikan atas talian daripada peringkat pengajian rendah hingga ke universiti. Inisiatif pendidikan ini menunjukkan usaha pengajian ilmu sentiasa dititikberatkan kerajaan dan individu yang bergelar pendidik dan pelajar. Objektif kajian memfokuskan untuk menganalisis hikmah pendidikan ketika wabak Covid-19 dan menyenaraikan norma positif berdasarkan perspektif Islam. Kajian ini penting untuk memberi kesedaran dan motivasi mengenai hikmah pendidikan norma baharu meskipun pengajian kini secara tanpa bersemuka dan berorientasikan sepenuhnya jaringan internet. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kajian perpustakaan dengan mengaplikasikan kaedah induktif bagi mendapatkan fakta-fakta perjalanan pengajian ilmu yang menggunakan medium atas talian. Kaedah deskriptif pula dijalankan bagi menganalisis dan menghuraikan hikmah daripada proses pengajian tersebut. Dapatkan kajian menunjukkan hikmah terpenting ialah umat Islam terdidik mengutamakan pendidikan biarpun dalam situasi getir. Ini kerana pengabaian pendidikan akan memberi implikasi negatif yang lebih parah berbanding ancaman wabak sedia ada. Di samping itu, pelbagai bentuk pengajian atas talian dengan menggunakan pelbagai aplikasi seperti *Ms Teams*, *Google Meet*, *Youtube* mula diteroka agar matlamat ilmu dapat disampaikan kepada pelajar. Pendekatan ini selari dengan konsep jihad ilmu dan konsep kebijaksanaan muslim untuk memanfaatkan sistem barat demi kebaikan ummah itu sendiri. Perspektif hikmah turut menyimpulkan umat Islam tidak boleh mengambil alasan untuk menghentikan proses utama pendidikan bahkan terus mendominasikan sejarah tuntutan kesyumulan Islam sebagai agama kesihatan, pendidikan dan sebagainya.

**Kata kunci:** Hikmah, Pendidikan, Atas talian, Wabak

### Abstract

Starting March 2020, Malaysia will implement the Movement Control Order to curb the spread of the Covid-19 pandemic. Until now, the education sector is still being pursued through online learning alternatives from primary education to university. This educational initiative shows that the study of knowledge is always emphasized by the government and individuals who are educators and students. The objective of the study focused on analyzing the wisdom of education during the Covid-19 outbreak and listing positive norms based on Islamic perspectives. This study is important to provide awareness and motivation on the educational wisdom of the new norms even though studies are now non-face-to-face and fully internet-oriented. This study is a qualitative study that uses library research by applying inductive methods to obtain the facts of the study of knowledge using online medium. Descriptive methods are carried out to analyze and describe the wisdom from the study process. The findings of the study show that the most important wisdom is that Muslims are educated to prioritize education even in harsh situations. This is because neglecting education will have worse negative implications than the threat of existing pandemics. Besides, various methods of online learning using various applications such as Ms Teams, Google Meet, Youtube began to be explored so that the goal of knowledge can be conveyed to students. This approach is following the concept of jihad of knowledge and the concept of Muslim wisdom to utilize the western system for the good of the ummah itself. The perspective of wisdom also concludes that Muslims should not make excuses to stop the main process of education but continue to dominate in line with the demands of the comprehensiveness of Islam as a religion of health, education and so on.

Article Progress  
Received: 30 January 2021  
Revised: 13 February 2021  
Accepted: 27 February 2021

**Keywords:** Wisdom, Education, Online, Pandemic

## 1. PENDAHULUAN

Sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dijalankan, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi mengemukakan alternatif proses pendidikan perlu dijalankan menerusi pengajian atas talian. Pendekatan ini sebagai kaedah pengajian ketika penularan wabak Covid-19 yang melanda di seluruh dunia termasuk Malaysia.

Kelas pengajian rasmi atau pengajian sedia ada yang melibatkan pertemuan langsung antara para pendidik dengan golongan pelajar wajib dihentikan sebagai langkah drastik untuk mengelak risiko penularan Covid-19. Perubahan ini tidak hanya berlaku di Malaysia tetapi turut melibatkan negara lain seperti United Kingdom. Misalnya, University of Cambridge turut melaksanakan sesi pembelajaran secara dalam talian bagi sesi akademik 2020/2021 bagi membendung penularan pandemik ke atas para pelajar dan perubahan ini sedikit sebanyak memberi impak kepada proses pembelajaran sedia ada (Abdul Rashid *et. al.*, 2020).

Sebelum ini usaha pengajian atas talian merupakan sebahagian tuntutan jangka masa panjang yang diatur Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025. Kementerian Pendidikan Malaysia telah menggariskan 10 lonjakan yang perlu dicapai dalam mendorong kecemerlangan berterusan sistem pendidikan tinggi. Bahkan, pengajian dalam talian tahap global merupakan salah satu dari lonjakan tersebut.

Seluruh institusi pendidikan seperti sekolah rendah, sekolah menengah, kolej swasta, politeknik dan universiti terlibat dalam inisiatif pelaksanaan pengajian atas talian. Ini keraan sebarang aktiviti akademik secara langsung, termasuk persidangan, pengajaran bersemuka (*face-to-face*), persidangan dan makmal simulasi harus dielakkan (Muhammad Aizat *et. al.*, 2020). Berdasarkan tinjauan penulis pelbagai perantara pengajian atas talian seperti *Google Meet*, *MS Team* dan *Zoom* telah dimanfaatkan dengan meluas. Implikasinya pengajian ilmu masih tetap diteruskan lantaran penularan wabak Covid-19 belum lagi mengugat keseluruhan sistem pendidikan di seluruh negara. Penularan wabak masih berlaku tetapi belum ke tahap memaksa pihak kementerian menghentikan kesemua proses pendidikan tanah air.

Menyedari kepentingan pendidikan untuk pengisian minda generasi negara ini, pengajian atas talian dalam pelbagai bidang ilmu telah giat diusahakan semua pihak. Implikasinya pengajian atas talian mencetuskan pelbagai hikmah biarpun cara pengajian ternyata berlainan dengan pendekatan lazim sebelum ini. Perspektif hikmah dapat dibina hasil daripada penelitian aspek iktibar dan pemahaman terhadap ajaran Islam yang menitikberatkan soal pendidikan. Tanpa perbincangan mengenai perspektif hikmah, golongan yang terlibat dalam dunia pendidikan sekadar melaksanakan tanggungjawab mengajar dan belajar. Begitu juga dengan golongan pelajar, mereka dilihat belum dapat menyesuaikan diri sepenuhnya dalam pengajian maya kerana suasannya berbeza daripada kelas biasa (Zawiah, 2020). Mereka seharusnya disedarkan dengan hikmah, pengajaran dan iktibar daripada kelainan pengajian ketika norma baharu. Elemen keterpaksaan dan tabiat mengalah dalam mendepani pendidikan ketika wabak dapat diatasi dengan pendedahan hikmah berasaskan Islam.

## 2. TINJAUAN LITERATUR

Terdapat beberapa kajian mengenai perjalanan pendidikan termasuk pengajian dalam talian ketika wabak Covid-19. Golongan pelajar adalah antara golongan yang paling terkesan kerana mereka terpaksa beralih daripada amalan pembelajaran konvensional iaitu secara bersemuka kepada atas talian bagi memastikan proses pembelajaran sedia ada tidak terganggu (Chung *et. al.*, 2020). Kajian tersebut lebih memfokuskan kepada golongan pelajar berbanding golongan pengajar.

Apabila hikmah pendidikan dibincangkan maka manfaat yang besar akan lebih diraih golongan pelajar kerana mereka amat bergantung dengan pengajian secara maya.

Sebelum tercetus Covid-19 pada fasa akhir tahun 2019, Norliza Hussin (2017) telah mengutarakan pendapat bahawa pengendalian proses pembelajaran dan pengajaran perlulah dikekalkan secara kreatif dan diberi suntikan inovatif sepanjang sesi interaksi bersama pelajar dijalankan. Artikel ini membayangkan keperluan pendidikan atas talian dan kepentingan dalam menghubungkan warga pendidikan pada masa hadapan. Melalui interaksi atas talian, pengajar dan warga pendidik masih kekal berhubung dengan pelajar walaupun berada dalam jarak lokasi yang jauh. Kajian Norliza (2017) membuka minda tentang hikmah memahami tuntutan menggunakan teknologi dan melangsungkan pendidikan dalam apa juar keadaan di masa hadapan.

Artikel mengenai tekanan akademik ketika wabak Covid-19 telah dikemukakan Abdul Rashid Abdul Aziz *et. al.* (2020). Artikel tersebut meninjau cabaran pembelajaran dalam talian dalam kalangan pelajar, impak tekanan akademik terhadap kesejahteraan kendiri dan strategi daya tindak yang boleh diaplikasikan oleh pelajar. Kajian tersebut membuktikan wujud tekanan dan cabaran. Seterusnya tekanan perlu diatasi dengan pelbagai inisiatif. Untuk melengkapkan tindakan cadangan penulis berkenaan, penulisan perspektif hikmah menurut norma Islam boleh dikaitkan. Islam menunjukkan beberapa pedoman, motivasi dan hikmah dalam proses pengajian sepanjang zaman termasuk ketika situasi sukar.

Zawiah Baharom (2020) dalam artikel bertajuk *Pedagogi Norma Baharu: Cabaran dan Hikmah* membincangkan perjalanan pengajian atas talian dalam aspek cabaran dan hikmah. Pembelajaran atas talian dianggap pilihan terbaik dalam keadaan yang menggugat ini. Dalam hal ini seorang pelajar perlu bijak membuat perancangan pembelajaran mereka sendiri. Perancangan seorang pelajar adalah merangkumi perancangan perkara yang hendak dipelajari dan menelaah bahan atau rujukan yang telah diletakkan oleh para pensyarah di ruang pembelajaran maya. Penulisan Zawiyah (2020) memfokuskan perbincangan hikmah dalam bentuk umum tanpa perician secara khusus. Sebagai lanjutan, artikel ini disusun untuk membincangkan perspektif hikmah berasaskan norma Islam dan seterusnya menyenaraikan beberapa inisiatif pengukuhan hikmah di kalangan pendidik dan pelajar.

### 3. OBJEKTIF

Tujuan kajian ini dijalankan adalah:

- i. Menganalisis hikmah pendidikan ketika wabak Covid-19.
- ii. Inisiatif pengukuhan hikmah Pendidikan.

### 4. METODOLOGI KAJIAN

Artikel ini bercorak kajian kualitatif. Kaedah pengumpulan data telah dilakukan berdasarkan sumber perpustakaan yang mengandungi data primer dan sekunder. Seterusnya kajian menerapkan kaedah penganalisisan data berpandukan dua kaedah utama iaitu kaedah induktif dan deskriptif. Kaedah induktif diaplikasikan untuk mendapatkan fakta-fakta yang bersesuaian mengenai pengajian atas talian ketika wabak Covid-19. Kaedah deskriptif pula diaplikasikan bagi menghuraikan data-data dan selanjutnya dianalisis bagi mendapatkan perspektif hikmah terhadap perjalanan pengajian tersebut.

## 5. DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### 5.1 Hikmah Pendidikan Ketika Wabak Covid-19

Perspektif hikmah amat penting untuk dihayati agar pengajian atas talian dapat dilaksanakan sebagai alternatif pengajian terbaik buat masa sekarang. Renungan terhadap hikmah akan memberi dorongan positif terhadap golongan pendidik dan pelajar yang kini melalui norma baharu. Mereka perlu menerima dan menghayati kelebihan corak pengajian atas talian berbanding kaedah pengajian sebelum ini walaupun sudah sekian lama dipraktikkan di Malaysia. Perspektif hikmah adalah merangkumi aspek dan perbincangan berikut:

#### Mendorong Kepelbagai Pedagogi Pendidikan

Sebagai para pendidik, mereka telah dilatih mengenai pedagogi pendidikan. Pengetahuan dan kemahiran tersebut berorientasikan untuk penerapan dalam kelas-kelas pengajian. Lazimnya, sebelum penularan Covid-19, pelaksanaan pedagogi misalannya di Institut Penguruan hampir keseluruhannya bersifat konvensional (Zawiyah Bahrom, 2020). Begitu juga di seluruh Politeknik Malaysia. Pedagogi pendidikan lebih melibatkan interaksi kuliah pensyarah dan pelajar serta pelaksanaan tutorial, amali dan projek secara pertemuan realiti.

Dalam fasa Covid-19, para pendidik perlu mengulangkaji semula pendekatan untuk menerapkan pedagogi pendidikan menerusi aktiviti menyampaikan ilmu di hadapan skrin komputer dan gajet elektronik. Menerusi pengajian atas talian, meskipun metod pengajaran dan pembelajaran masih sama namun aspek penyampaian ilmu lebih mencabar. Ini kerana para pendidik perlu memahirkan diri dengan aspek teknikal dan cara menyampaikan ilmu menerusi alam maya (Norliza, 2017). Tempoh pengajian, bahan ilmu dan tatacara menarik perhatian pelajar menjadi suatu keperluan baharu untuk ditelaah agar pengajian mencapai objektif pembelajaran.

Pengajian atas talian mendidik tenaga pengajar untuk lebih berjihad dalam situasi yang berbeza dengan sebelum ini. Mereka terpaksa mengerah jihad yang lebih seperti menyediakan bahan *PowerPoint*, menyiapkan kuiz atas talian, menguji sistem audio dan grafik dan sebagainya. Pengajian atas talian tidak akan mencapai objektif pendidikan apabila hanya dipraktikkan menerusi aktiviti pencakapan daripada tenaga pengajar sahaja. Menyedari hakikat ini, sebagai contoh para pensyarah Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs) telah mempratikkan usaha yang dianggap baharu berbanding metod penilaian sebelum ini. Mereka mula aktif mengaplikasikan penilaian formatif (penilaian berterusan) menerusi aplikasi atas talian seperti *Google Form*, *Kahoot*, *Quiz* dan *Exam.Net* (Muhammad Aizat *et. al.*, 2020). Apabila usaha ini diusahakan bersungguh-sungguh maka pengajian menjadi lebih mudah walaupun para pelajar tinggal di lokasi yang jauh daripada institusi pengajian.

#### Menyemarakkan Jihad Pendidikan

Institusi dan kualiti pendidikan Malaysia adalah antara terbaik di dunia (Ismail, 2017). Ini berlaku akibat kesungguhan atau jihad dalam mengurus sistem pendidikan. Jihad pendidikan yang dilakukan ini adalah selari dengan konsep jihad yang diperbincangkan dalam Islam. Jihad terbahagi kepada pelbagai bentuk seperti jihad peperangan, jihad ekonomi, jihad ibadat dan juga jihad pendidikan. Jihad pendidikan bermaksud melakukan sesuatu secara bersungguh-sungguh berdasarkan kehendak Islam untuk melahirkan para pelajar yang berwawasan dunia dan akhirat (Luthfi, 2017). Jihad pendidikan terkandung dalam segala tuntutan jihad yang dinaskan dalam dalil umum di dalam al-Quran. Antaranya Allah s.w.t. memerintah agar segala jihad ini dilaksanakan dengan pendahuluan disiplin kerohanian, firman-Nya:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَتَقُوا اللَّهَ وَأَبْتَغُوا إِلَيْهِ الْوَسِيلَةَ وَجَهَدُوا فِي سَبِيلِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٢٥﴾

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah dan carilah yang boleh menyampaikan kepadaNya (dengan mematuhi perintahNya dan meninggalkan laranganNya); dan berjuanglah pada jalan Allah (untuk menegakkan Islam) supaya kamu beroleh kejayaan.*

(Surah al-Maidah, 5:35)

Setelah berlaku penularan Covid-19, Kerajaan Malaysia mengarahkan semua pusat pendidikan tanah air di semua peringkat seperti taska, sekolah rendah, sekolah menengah, pusat latihan dan universiti ditutup. Begitu juga premis kerajaan dan swasta kecuali yang terlibat dengan perkhidmatan penting negara atau *essential services* (Perutusan Khas YAB Perdana Menteri Mengenai COVID-19, 16 Mac 2020). Namun setelah kerajaan membentuk beberapa pendekatan keselamatan, proses pendidikan diteruskan secara atas talian. Pelbagai pihak berjihad menyusun perancangan untuk menjana pengajian dalam bentuk baru. Para pendidik yang terdiri daripada guru sekolah rendah dan menengah dan pensyarah pengajian tinggi bertungkus lumus mempersiapkan kelengkapan pengajian.

Mereka perlu merancang penyampaian yang ternyata berlainan dengan kaedah di dalam kelas. Pada kali ini, mereka perlu memastikan penyampaian benar-benar sampai kepada perhatian para pelajar. Huang (2020) berpendapat bahawa pemilihan pengajian atas talian perlulah mengambil kira manfaat yang bakal diperoleh guru. Peralatan yang digunakan mestilah memudahkan proses pemerolehan sumber dengan pantas dan berupaya memuatnaik pengumuman (notifikasi) untuk menguruskan pelajar.

Situasi penyampaian perlu disesuaikan dengan kadar masa, pencapaian internet dan bahan subjek. Realiti ini menepati hadith yang memuji perbuatan bersungguh-sungguh di atas kebaikan. Sabda Rasulullah s.a.w.:

وَلَكِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ مِنَ الْعَامِلِ إِذَا عَمِلَ أَنْ يُخْسِنَ

Maksudnya: “*Tetapi Allah kasih kepada pekerja (yang melakukan sesuatu amalan) yang apabila dia melakukan sesuatu amalan hendaklah melakukannya dengan baik.*”

(Hadith *dha’if*, *Sunan al-Baihaqi*, no.4932)

### Memudahkan Pencapaian Ilmu

Meskipun terdapat cabaran dalam memastikan pengajian atas talian adalah sama seperti pengajian dalam kelas, namun pendidikan atas talian berfungsi melahirkan banyak hikmah yang dapat dihayati. Para pelajar dididik untuk menghargai ilmu biarpun dalam keadaan tidak dapat hadir ke kelas pengajian seperti biasa. Mereka ditekankan untuk terus menimba ilmu dengan dalam bentuk yang mudah lagi moden demi mencipta kejayaan masa kini dan masa hadapan. Menyedari hakikat ini, antara kajian yang ada dilakukan ialah seperti kajian Nor Aidawati (2021) untuk melihat kesungguhan pelajar. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa asas tahap kesediaan penerimaan pelajar terhadap pendidikan norma baru berada pada tahap sederhana. Namun begitu, faktor kemudahan sedia ada dan didikan tenaga pengajar menunjukkan tahap yang tinggi.

Meskipun Covid-19 sedang menghantui masyarakat sedunia, namun wabak itu tidak sama sekali dapat menghalang usaha mengarap ilmu. Natijahnya, pelbagai kelas pengajian, seminar dan kursus masih boleh dianjurkan asalkan ada inisiatif digerakkan pihak bertanggungjawab.

### Menguji Keabsahan Adab

Islam amat menitikberatkan soal adab ketika menuntut ilmu. Para pendidik dan pelajar yang cemerlang sentiasa dididik untuk mengamalkan adab ketika berada di sekolah dan pusat pengajian.

Apabila tercetus wabak, masing-masing beralih ke arah pengajian tanpa bersemuka. Berdasarkan adaptasi adab menuntut ilmu yang dikemukakan Imam al-Ghazali (1987), warga pendidik yang cemerlang dapat menerapkan adab dalam bentuk norma baharu seperti berikut:

- a) Mengikhlaskan niat menyampai dan menuntut ilmu
- b) Berpakaian sopan dan menutup aurat.
- c) Menepati masa.
- d) Beramanah terhadap tugas pendidikan.
- e) Taat dan fokus kepada guru.
- f) Menghargai jasa guru dan kesabaran pelajar.

Para pendidik perlu mengambil kira penerimaan pelajar terhadap pembelajaran atas talian kerana setiap pelajar mempunyai tanggapan tersendiri terhadap pembelajaran atas talian (Huang *et. al.*, 2020). Cara penerimaan hendaklah dipimpin dengan adab menuntut ilmu. Ini kerana pembelajaran atas talian juga sebahagian daripada kaedah belajar masa kini yang tidak dapat dipisahkan dengan adab.

### **Mempersiapkan Pendidikan Untuk Medan Lebih Mencabar**

Rakyat Malaysia wajar bersyukur di atas kesungguhan pihak kerajaan dan warga pendidik yang berusaha melangsungkan aktiviti pendidikan dengan kadar yang ada ketika wabak Covid-19 sedang menggugat taraf kesihatan. Seluruh dunia mengetahui bahwa Covid-19 merupakan wabak di era tahun 2019 hingga 2020 yang berlaku sewaktu era perkembangan media elektronik (*Information and Communication Technology* atau ICT).

Menyedari corak penularan pelbagai wabak yang mula tercetus sejak beberapa abad yang lalu, maka tidak mustahil wabak yang baharu akan muncul lagi di masa hadapan. Pendidikan atas talian ini akan menjadi satu pengalaman berguna buat generasi sekarang dan masa hadapan. Tiada alasan untuk terus menghentikan proses pengajian ilmu apabila kesempatan mencari ilmu masih ada. Antara terpenting untuk melangsungkan pengajian ilmu ialah menerusi kemudahan internet yang semakin mendepani masa (Wibawa, 2018).

Untuk berdepan dengan masa hadapan, setiap negara di dunia lebih-lebih lagi negara-negara Islam perlu mempunyai perancangan untuk memperkasa pendidikan. Tanpa proses pendidikan, masa akan disia-siakan tanpa aktiviti membangun minda di kalangan rakyat. Antara yang lebih mencabar di masa hadapan ialah ancaman peperangan. Seandainya peperangan berlaku di kalangan negara dunia, polemik tersebut akan mengheret situasi kacau bilau berlarutan sehingga boleh membantutkan terus segala usaha pendidikan, ekonomi dan sosial. Keadaan ini terbukti berlaku di negara seperti Kosovo, Bosnia, benua Afrika, Iraq dan Indonesia. Sesebuah negara yang diancam peperangan akan mempunyai masalah untuk membangunkan semula rakyat kerana negara sudah pun luluh musnah (Saifuddin, 2013). Untuk memastikan hal ini tidak berlaku, peperangan perlu dielakkan sama sekali berbanding masalah wabak yang berada di luar kawalan manusia.

### **5.2 Inisiatif Pengukuhan Hikmah Pendidikan**

Pelbagai inisiatif dapat dilakukan untuk memastikan hikmah pendidikan ketika ancaman wabak Covid-19 dapat dicapai. Sebahagian inisiatif seperti berikut:

#### **Pelaksanaan Pengajian Yang Berterusan**

Hikmah dapat dicapai apabila pengajian atas talian dijalankan. Walaupun kadar kecepatan internet di Malaysia masih belum membanggakan berbanding negara lain, namun pengajian masih dapat diteruskan menerusi pelbagai wacana berdasarkan asas internet (Muhammad Rais & Yusup, 2004). Hasil daripada inovasi, pendidikan kini boleh diterapkan secara langsung dan tidak langsung menerusi aplikasi *WhatsApp*, *Telegram*, *MS Team*, *Google Classroom* dan *Youtube* secara tidak segerak atau muat turut secara berkala.

Pengajian yang sengaja dihentikan terus kerana alasan internet tidak pantas akan membantutkan proses pendidikan ketika masih terdapat beberapa ruang kemudahan. Demikian juga, sikap tenaga pengajar dan pelajar yang tidak berusaha untuk terlibat dalam pengajian norma baharu ini.. Pada hemat penulis, akhirnya mereka kehilangan tabiat yang positif dan terus dihanyut permasalahan wabak yang sebenarnya tidak mengganggu terus proses pendidikan. Sebenarnya teknologi pendidikan telah banyak membuka peluang dan platform baru bagi memperkasakan pembelajaran, mengubah bentuk penyampaian ilmu dan meningkatkan kreativiti dalam proses pendidikan bahkan turut mengubah ekosistem pendidikan di Malaysia. Penggunaan teknologi sejawarnya dipandang sebagai perantara pendidikan yang efektif dalam dunia pendidikan (Norazah & Ngau, 2009).

### **Para Pendidik Perlu Menerangkan Hikmah**

Para pendidik yang terdiri daripada guru, tenaga pelatih dan pensyarah merupakan kelompok yang diiktiraf mempunyai pemikiran ilmu yang tinggi berbanding lapisan pelajar. Justeru, para pendidik seharusnya lebih bersedia untuk memahami tuntutan pendidikan atas talian bagi mencapai hikmah atau implikasi positif. Para pelajar berdepan cabaran dalam bentuk masalah keupayaan untuk mengadaptasi perubahan teknologi. Pengajian tertumpu secara digital serta bergantung kepada sikap sama ada hendak menerima amalan pembelajaran dalam talian atau disebaliknya (Mohd Nazul, 2020).

Para pendidik dapat memainkan peranan untuk menerangkan hikmah pengajian menerusi norma baharu ini. Ini dapat dilakukan ketika pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Terdapat sebahagian pelajar yang merasakan terpaksa untuk mengikuti pengajian atas talian setelah diarah pihak sekolah atau institusi pengajian. Dalam kajian Rosninawati Hussin (2020), satu maklumat dikongsi oleh Abdul Azim, pelajar Tingkatan 3 dari sebuah sekolah di Melaka. Beliau menyatakan masalah mendisiplin diri dan mendengar arahan menghantui kalangan pelajar. Ini disebabkan pembelajaran dari rumah, meletakkan mereka dalam zon yang selesa dan menyukarkan pembahagian masa kerana terdedah dengan permainan digital dan peluang berehat sepenuhnya di rumah. Keterpaksaan tersebut dapat diredukan dengan penerangan hikmah supaya para pelajar mempunyai kesedaran kendiri. Tanpa penerangan hikmah, para pelajar tidak berupaya bersungguh-sungguh untuk menghargai atau mendahulukan kemudahan internet untuk tujuan pendidikan. Sikap sambil lewa, hilang fokus dan mengambil kesempatan ketika belajar di atas talian akan mengagalkan hikmah yang ingin dicapai semua pihak.

### **Mentuluskan Niat Ketika Menjalankan Proses Pendidikan**

Pengajian atas talian merupakan antara arahan pihak pengurusan pendidikan yang wajib dilaksanakan mengikut institusi masing-masing di tanah air. Para pendidik dan golongan pelajar bertanggungjawab melibatkan diri dengan kadar keupayaan yang ada. Tidak dinafikan ketika arahan ini dikuatkuasakan, terdapat individu yang tidak berpengalaman berinteraksi dengan kemudahan internet. Ada di kalangan mereka juga dihimpit masalah kemudahan internet, kesukaran menyesuaikan tugas ketika bekerja dari rumah atau tertekan untuk mengikuti kaedah pendidikan menerusi medan baharu (Abdul Rashid *et. al.*, 2020).

Untuk memastikan diri beroleh motivasi yang tinggi ketika saat yang sukar ini, penawar paling utama ialah mentuluskan niat pengajian atas talian. Niat untuk menunaikan kewajipan pada perkara kebaikan perlu disematkan dalam minda, sanubari dan tindakan. Segala amalan baik meskipun bukan ibadah khusus akan meraih pahala di sisi Allah SWT apabila diniatkan kerana Tuhan serta dilakukan secara bersungguh-sungguh demi faedah diri dan pihak lain. Ini dapat difahami menerusi dalil berikut:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّتَائِبِ، وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرٍ مَا نَوَى

Maksudnya: “Sesungguhnya setiap amalan berdasarkan niat dan sesungguhnya setiap orang akan mengikut apa yang diniatkan.”

(Riwayat Muslim, no.1907)

مَنْ سَنَ فِي الْإِسْلَامِ سُنَّةً حَسَنَةً فَعُمِلَ بِهَا بَعْدَهُ كُتِبَ لَهُ مِثْلُ أَجْرِ مَنْ عَمِلَ بِهَا وَلَا يَنْفَضُ مِنْ أَجْوَرِهِمْ شَيْءٌ

Maksudnya: Barangsiapa menjadi pelopor suatu amalan kebaikan lalu diamalkan oleh orang sesudahnya, maka akan dicatat baginya ganjaran semisal ganjaran orang yang mengikutinya dan sedikitpun tidak akan mengurangi ganjaran yang mereka peroleh.”

(Riwayat Muslim no.1017)

Dengan pedoman dalil tersebut, segala usaha pendidikan atas talian bukanlah suatu usaha yang sia-sia. Niat yang tulus atas jalan kebaikan akan membawa kepada usaha yang cemerlang lagi berterusan di masa hadapan.

### Pengukuhan Pihak Kerajaan dan Peneraju Pendidikan

Pendidikan atas talian bergantung sepenuhnya kepada keupayaan internet. Meskipun kemudahan internet di Malaysia belum mencapai tahap maksimum namun golongan pendidik dan pelajar masih boleh memanfaatkan dengan kadar yang ada (Muhammad Rais & Yusup, 2004).

Pihak kerajaan dan peneraju pendidikan didapati telah melaksanakan beberapa langkah bantuan untuk menjayakan proses pendidikan tatkala Covid-19. Antaranya pihak kerajaan memperkenalkan data internet percuma (Bernama Online, 2020). Ini merupakan inisiatif yang baik untuk soal kebijakan rakyat. Dalam pada itu, kelancaran sistem internet masih hangat diperbincangkan di kalangan rakyat. Wujud perbandingan kelancaran internet Malaysia dengan negara-negara membangun yang lain meskipun pasaran Malaysia sekian lama sering menawarkan pelbagai pakej internet (Muhammad Rais & Yusup, 2004).

Kerajaan dan peneraju pendidik disarankan tidak hanya berpuas hati dengan mutu internet sedia ada. Badan berwajib dalam negara perlu memperkasakan kemudahan internet di masa sekarang dan sebagai persediaan masa hadapan. Perspektif hikmah pengajian atas talian berupaya gagal dicapai apabila kemudahan internet hanya sekadar melepaskan batuk di tangga.

### Memahami Pendidikan Adalah Sebahagian Daripada Konsep Keutamaan Islam

Apabila umat Islam menghadapi saat getir wabak Covid-19, pendekatan keselamatan atau *maqasid* nyawa (*hifz al-nafs*) menjadi pendekatan yang paling didahulukan. *Maqasid* ini wajib didahulukan apabila berlaku jangkitan di luar kawalan sehingga meragut nyawa atau membawa kepada masalah kesihatan yang kritikal. Ha'iah Kibar Ulama al-Azhar memutuskan fatwa bahawa dalam situasi Covid-19, amalan menjaga dan melindungi jiwa daripada segala hal yang membahayakan adalah prinsip utama yang wajib didahulukan. Justeru dalam soal ibadah yang memerlukan pertemuan ramai manusia seperti Solat Jumaat wajib ditiadakan untuk sementara waktu (Hambali, 2020).

Menurut penelitian Tam dan El-Azhar (2020), akibat daripada penularan wabak Covid-19 telah mengakibatkan lebih 421 juta orang pelajar di seluruh dunia terjejas proses pembelajaran mereka apabila institusi pengajian terpaksa ditutup serta merta demi menjaga keselamatan warga kerja dan golongan pelajar yang merupakan golongan berisiko terlibat dengan jangkitan. Melihat kepada situasi Malaysia, badan fatwa berautoriti dan kerajaan Malaysia mempunyai pendekatan yang tersendiri dalam mengetengahkan *maqasid* dan membuat pertimbangan keutamaan. Pemeliharaan

nyawa telah dijalankan dan pendidikan diteruskan mengikuti kadar keupayaan. Tiada semata-mata langkah *hifz al-nafs* dilaksanakan.

Sejajar dengan pendekatan ini, umat Islam khasnya di Malaysia wajar memahami bahawa proses pendidikan adalah juga sebahagian daripada pendekatan yang tidak boleh diabaikan. Pendidikan terhadap anak-anak, golongan pelajar dan orang awam yang memerlukan bimbingan ilmu termasuk penerangan Covid-19 menjadi sebahagian keutamaan yang boleh diketengahkan.

Umat Islam perlu mempunyai pertimbangan yang bijak dalam memilih perkara-perkara utama ketika proses pembangunan atau menghadapi masalah peribadi atau negara. Segala *maqasid* perlu diukur bagi mengelak perkara penting diabaikan dalam tindakan. Antara pertimbangan dalam pendidikan ialah seperti mengutamakan pendidikan dalam perbelanjaan negara, mengelak pendidikan yang tidak menjana kefahaman dan mengutamakan soal peruntukan pendidikan berbanding peruntukan peribadi meskipun untuk tujuan ibadah sunat. Berdasarkan pendapat Dr. Yusuf al-Qaradhawi di dalam karya *Fi fiqh al-Awlawiyyat Dirasah Jadidah fi Dhau' al-Quran wa al-Sunnah* (2003), pendapat beliau memberi bayangan bahawa pendidikan adalah antara kepentingan yang tidak boleh dilupakan dalam pertimbangan untuk masa depan sesebuah negara umat Islam.

Dalam situasi wabak yang masih belum mengugat golongan pendidikan sepenuhnya, perjalanan pengajian ilmu masih boleh diketengahkan berdasarkan kemudahan yang sedia ada. Rakyat boleh terus dididik menimba ilmu walaupun berada dalam situasi pengawalan pergerakan seperti kuarantin di rumah. Kesedaran ini dapat mengatasi tabiat rakyat yang berpotensi menghabiskan masa dengan permainan maya atau peranti hiburan semata-mata.

## 6. KESIMPULAN

Hikmah pendidikan atas talian ini menyebabkan para pendidik dan golongan pelajar terus meyakini bahawa kaedah pendidikan sekarang adalah alternatif terbaik sedia ada. Pendidikan perlu diteruskan untuk mengelak kerugian yang besar di masa hadapan. Pendekatan pendidikan yang dijalankan ini ternyata mengandungi hikmah tersendiri seperti mendorong kepelbagaian pedagogi pendidikan, menyemarak jihad pendidikan, memudahkan pencapaian ilmu, menguji keabsahan adab dan mempersiapkan pendidikan untuk medan lebih mencabar di masa hadapan.

Perspektif hikmah paling utama untuk dihayati ialah menyedari pendidikan merupakan suatu proses penyampaian ilmu daripada golongan pendidik terhadap golongan pelajar sepanjang masa. Aktiviti pengajian ini dapat mempengaruhi mereka agar setia dalam aktiviti yang menentukan masa depan diri dan negara. Tiada kerugian dalam soal pendidikan atas talian bahkan merupakan suatu keunikian bagi mencapai kesejahteraan dunia dan ukhrawi. Seterusnya implikasi memahami perspektif hikmah akan mendorong semua pihak untuk terus berjihad menjayakan proses pendidikan. Pendidikan atas talian ketika ancaman Covid-19 bukanlah suatu halangan kritikal bahkan mendatangkan pelbagai manfaat buat para pendidik dan golongan pelajar.

## RUJUKAN

Al-Quran

Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. (1987). *Ihya 'ulum al-din*. Qahirah: Dar al-Salam.

Al-Qaradhawi, Yusuf, Dr. (2003). *Fi fiqh al-Awlawiyyat dirasah jadidah fi dhau' al-Quran wa al-Sunnah*. Beirut: al-Maktab al-Islami.

Abdul Rashid Abdul Aziz, Amin Al Haadi Shafie, Umi Hamidaton Mohd Soffian Lee, Raja Nur Syafiqah Raja Ashaari. (2020). *Strategi pembangunan aspek kesejahteraan kendiri bagi*

mendepani tekanan akademik semasa wabak Covid-19. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Vol. 5, Issue 12, <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i1.2594>.

Bernama Online. (2020). *Internet percuma dimanfaatkan sepenuhnya pelajar, pekerja dan peniaga.* [https://www.bernama.com/bm/am/news\\_covid-19.php?id=1849103](https://www.bernama.com/bm/am/news_covid-19.php?id=1849103)

Chung, E., Noor. N. M., & Vloreen Nity Mathew. (2020). *Are you ready? An assessment of online learning readiness among university students.* International Journalnof Academic Research in Progressive Education and Development, 9(1).

Hambali bin Hambali. (2020). *Sikap muslim terhadap wabak Covid-19 dalam perspektif maqashid syari’ah.* Universitas Islam Negeri Raden Fatah Palembang: Journal of Darussalam Islamic Studies.

Huang, R., Zhang, M., Shen, Y., Tian, Y.& Zeng, H. (2020). *Research on the core elements of an ultra-large-scale Internet education organization: Case analysis of online education.* Journal of Evid Chin Edu 2020,5(1). [https://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract\\_id=3607628](https://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract_id=3607628)

Ismail Sualman, Dr. (2017). *Kualiti pendidikan Malaysia antara terbaik di dunia.* Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/9910/KOLUMNIS/Pendidikan-Malaysia>

Luthfi Nur Afifah. (2017). *Konsep al-Quran mengenai jihad dalam bidang pendidikan.* Tesis sarjana. Institut Agama Islam Negeri Ponorogo: Fakultas tarbiyah dan Ilmu Perguruan.

Mohd Nazul Ismail. (2020). *Cabarannya kepimpinan dalam pengurusan pembelajaran digital.*

Jurnal Refleksi Kepimpinan. Negeri Sembilan: IPG Kampus Pendidikan Teknik.

Muhammad Aizat Md Sin, Wan Mohd Dhaiyudeen Helmy, Nor Izham Bin Subri, Izwan Nurli Bin Mat Bistamam, Mohd Zaki Bin Shahabuddin. (2020). *Amalan baik paradigma nabawi ‘al-hisbah’ dalam perlaksanaan e-penilaian sebagai instrumen pengawasan baharu di institusi pengajian tinggi swasta di Malaysia semasa pandemik Covid-19: satu kajian kes Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs).* Proceedings of the 7-th International Prophetic Conference (SWAN) 2020. Paper No. BM003. FPQS, Universiti Sains Islam Malaysia: 29-30 October 2020

Muhammad Rais Abdul Karim & Yusup Hashim. (2004). *The experience of the e-learning implementation at the Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia.* Malaysia-Turkey: Malaysian Online Journal of Instructional Technology (MOJIT). [http://library.oum.edu.my/oumlib/sites/default/files/file\\_attachments/odl-resources/4323/experience-upsi.pdf](http://library.oum.edu.my/oumlib/sites/default/files/file_attachments/odl-resources/4323/experience-upsi.pdf)

Norliza Hussin. (2013). *Penggunaan laman web sebagai transformasi dalam pengajaran dan Islam.* Universiti Malaya: O-JIE: Online Journal of Islamic Education, Vo.1. no.2.

Norazah Mohd Nordin & Ngau Chai Hong. (2009). *Pembangunan dan penilaian bahan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan Web-WebQuest bagi mata pelajaran ICT.* Jurnal Pendidikan Malaysia.

Perutusan Khas YAB Perdana Menteri Mengenai COVID-19, 16 Mac 2020.

Rosninawati Hussin, Dr., Suria Hani A. Rahman & Sofia Hayati Yusuff, Dr. (2020). *Potensi dan cabaran e-pembelajaran dalam era covid-19.* Jurnal OFFSTONE. USIM: Faculty of Leadership and Management. second edition. <http://fkp.usim.edu.my/wp->

content/uploads/2020/10/final-2020\_OFFSTONE-2ND-EDITION\_FINAL-4D.pdf#page=13

Saifuddin. (2013). *Kesan perang terhadap pendidikan di berbagai negara*. Jurnal SUWA. Aceh: Universitas Malakussoleh. Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik.

Tam, G. & El-Azhar, D. (2020). *3 ways the coronavirus pandemic could reshape education*. The World Economic Forum COVID Action Platform. <https://www.weforum.org/agenda/2020/03/3>

Wibawa.S. (2018). *Pendidikan dalam era revolusi industri 4.0*. Yogyakarta: UST.

Zawiah Bahrom. (2020). *Pedagogi norma baharu: cabaran dan hikmah*. Jurnal Refleksi Kepemimpinan, Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Teknik Negeri Sembilan, jilid III, Nov. 2020, <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jrk/article/view/9896>.